Artikel Penyelidikan

Blok Batik: Warisan Kraf Tradisional Melayu.

Nur Asyikin binti Saidi[1], Nur Shafiqah binti Asmawi[2], Noor Rahmawati Alias[3] *, Siti Aishah Mokhtar[4]

[1] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020834016@uitm.edu.my;
[2] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; 2020859268@uitm.edu.my;
[3] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; rahmawati@uitm.edu.my;
[4] Fakulti Sains Maklumat, UiTM Cawangan Kelantan; aishah835@uitm.edu.my;
* Correspondence: rahmawati@uitm.edu.my; +60133595939.

Abstrak:

Seni pertukangan blok batik merupakan salah satu warisan kraf tradisional Melayu yang bernilai tinggi. Kajian ini dijalankan bagi mendokumentasikan latar belakang, proses pembuatan, kepelbagaian motif, serta sumbangan Adiguru Kraf Blok Batik, Encik Md Ghani bin Mat dari Kelantan. Menggunakan pendekatan kualitatif melalui kaedah sejarah lisan dan temu bual bersemuka di bengkel beliau, hasil kajian mendapati kepingan tembaga menjadi pilihan utama dalam pembuatan acuan kerana sifatnya yang tahan lasak, fleksibel, dan merupakan konduktor haba yang baik. Teknik penghasilannya pula melibatkan empat peringkat yang menuntut ketelitian tinggi, iaitu proses lakaran, lenturan tembaga, pematerian menggunakan timah, dan pemasangan bingkai. Selain mengekalkan motif tradisional seperti flora, fauna, dan geometri, penghasilan blok batik turut berinovasi kepada rekaan moden seperti tulisan khat dan mercu tanda negara untuk dijadikan kraf hiasan dinding. Pendokumentasian ini diharapkan dapat menjadi rujukan akademik yang penting dalam memelihara warisan seni pertukangan tempatan agar terus dikenali dan diwarisi oleh generasi akan datang.

Kata kunci: Encik Md Ghani Bin Mat, kraftangan, blok batik, tradisional, warisan

Copyright: © 2026 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/).

1. PENGENALAN

Sejarah batik blok di Malaysia bermula pada tahun 1911 di Kota Bharu, Kelantan, sebelum berkembang pesat pada tahun 1920-an melalui usaha Haji Che Su di Kelantan dan Haji Ali di Terengganu yang menghasilkan kain sarung menggunakan blok kayu (batik pukul). Menjelang tahun 1930-an, pengeluar batik di Pantai Timur mula beralih kepada penggunaan lilin panas dan blok logam seperti tembaga serta timah bagi menghasilkan batik cap. Secara tradisional, motif yang terukir pada blok atau sarang ini banyak berinspirasikan unsur flora dan fauna yang mencerminkan identiti, kesenian, serta kebudayaan masyarakat Melayu. Keunikan seni batik blok terletak pada keseimbangan serta pengulangan garisan, tekstur, dan warna yang berterusan, menjadikannya tekstil serba guna dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu, bermula daripada kain bedung bayi, pakaian harian dan rasmi, sehinggalah sebagai kain penutup jenazah (Institut Kraf Negara , 2026; Kari et al., 2018).

Seiring dengan arus pemodenan, kajian mengenai motif tradisional batik blok menjadi semakin penting bagi memastikan kelestarian warisan tekstil tempatan ini terus terpelihara untuk generasi akan

datang. Melalui pendokumentasian yang berkisarkan proses pembuatan blok batik serta kepelbagaian corak dan motif batik yang dihasilkan, kajian ini mampu meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap nilai sejarah seni kraf tangan ini, di samping berfungsi sebagai salah satu sumber rujukan kepada para penyelidik dan masyarakat umum untuk mendapat maklumat tambahan berkenaan seni blok batik di Malaysia.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Proses pembuatan blok batik dan corak batik melibatkan teknik yang memerlukan kesenian dan kreativiti. Tidak ramai yang berkemahiran dalam pembuatan blok batik terutamanya dalam kalangan anak muda apabila memerlukan kemahiran dan kesabaran tinggi untuk menyiapkannya. Proses menghasilkan blok batik bermula dengan kerahan idea untuk memikirkan corak yang dimahukan sebelum dilukis pada kertas tekap, kemudian kepingan tembaga digunakan bagi membentuk corak berkenaan. Kajian menunjukkan minat masyarakat semakin berkurangan terhadap kesenian batik blok di Malaysia terutamanya dalam kalangan generasi muda (Naser et al., 2021).

Sehubungan itu, kajian ini memberikan tumpuan khusus kepada salah seorang tokoh batik blok di Malaysia iaitu Adiguru Md. Ghani Bin Mat dengan mendokumentasikan pengalaman dan kemahiran beliau dalam bidang batik blok. Dokumentasi yang dihasilkan melalui temu bual dengan beliau, di samping meneliti beberapa sumber informasi sekunder, diharapkan dapat menambahkan lagi sumber rujukan untuk masyarakat memahami keindahan dan keunikan seni batik blok. Kajian ini juga dilihat sebagai wacana ilmu bagi generasi akan datang untuk memahami warisan seni kraf Melayu dalam bentuk batik blok.

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dibuat bagi memenuhi beberapa objektif sebagaimana berikut:

1. Mengetahui tentang latar belakang kraf batik blok.
2. Mengenalpasti proses pembuatan batik blok sebagai pendedahan kepada masyarakat umum.
3. Mengetahui pelbagai corak atau motif batik yang dihasilkan melalui seni batik blok.

4. PERSOALAN KAJIAN

Berdasarkan objektif kajian yang dinyatakan, antara persoalan bagi kajian ini ialah:

1. Apakah kraf batik blok?
2. Apakah proses atau teknik yang terlibat dalam pembuatan batik blok?
3. Apakah corak atau motif batik yang boleh dihasilkan melalui seni batik blok?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Kepentingan dan sumbangan kajian ini adalah untuk memastikan kesinambungan kraf warisan dapat dinikmati, dihayati dan dipelajari oleh generasi akan datang. Selain itu, kajian ini ingin memastikan seni pertukangan tradisional ini menjadi salah satu seni yang dikenali dan dihargai dalam kalangan masyarakat khususnya masyarakat Melayu. Kajian ini dapat menghubungkan zaman yang lalu dan zaman sekarang melalui rakaman pengalaman-pengalaman yang bersejarah. Pita rakaman

dan transkrip sejarah lisan boleh menghidupkan cara mengajar di sekolah-sekolah dan di institusi-institusi lain. Muzium misalnya memberikan gambaran tambahan kepada penuntut-penuntut melalui pameran, bahan-bahan yang dipetik dari buku-buku dan filem-filem. Cara ini tidak dinafikan sebagai satu cara pengajaran yang berguna di dalam kelas.

Pita-pita rakaman wawancara dengan tokoh-tokoh tertentu boleh memberi suatu gambaran yang berkesan untuk memahami masa yang lalu itu kepada masyarakat. Rakaman-rakaman ini boleh menggambarkan perkara-perkara bersejarah yang telah berlaku di samping ianya dapat menggambarkan aspek-aspek masyarakat yang sukar untuk dipamerkan. Kajian ini juga berperanan dalam membawa dan memperkenalkan latar belakang dan keunikan kraf warisan ini kepada semua masyarakat. Masyarakat dapat mengetahui tentang keistimewaan batik blok dan mengetahui kaedah penghasilan blok dengan lebih mendalam.

Seterusnya, kajian ini menampilkan individu yang telah memberi sumbang bakti kepada negara dari aspek kesenian kraf batik blok. Kegunaan kajian ini adalah amat penting kepeada generasi baharu terutamanya generasi yang tidak mempunyai sebarang maklumat dan pengetahuan berkaitan warisan kesenian ini. Selain itu, peranan dan kegiatan persatuan-persatuan sejarah negeri di Malaysia akan dapat diperkembangkan lagi sekiranya terdapat kajian seperti ini. Persatuan-persatuan sejarah yang ditubuhkan bukan sahaja mampu menggalakkan pengajian dan menambahkan minat orang ramai terhadap seni tempatan tetapi juga mempunyai tanggungjawab untuk memelihara kesan-kesan sejarah negeri masing-masing.

6. TINJAUAN LITERATUR

Batik blok yang juga dikenali sebagai batik terap atau batik pukul adalah merupakan salah satu daripada perusahaan seni kraftangan tradisional yang terkenal di Malaysia. Pada peringkat permulaan, corak pada kain batik dihasilkan dengan menggunakan acuan daripada tumbuhan semulajadi seperti ubi kentang, pelepah pisang serta buah belimbing sebagai medium untuk mengecap batik bagi menghasilkan motif dan corak. Kemudian blok kayu yang diukir dijadikan sarang acuan bagi menghasilkan corak batik dengan menerap sejenis pewarna hitam semula jadi dan teknik ini dikenali sebagai 'terap hitam' (Ramli & Mohd Yusop, 2024).

Penggunaan blok kayu sebagai acuan corak adalah agak terhad kerana hanya satu warna sahaja dapat disapukan pada satu blok acuan, dan cara ini memerlukan beberapa blok acuan kayu bagi menyempurnakan corak batik pada sesuatu fabrik. Kreativiti pengusaha batik menyaksikan perubahan daripada penggunaan blok kayu kepada blok yang diperbuat daripada kepingan logam seperti zink, besi dan tembaga (Haron, et al., 2014). Terdapat juga pelbagai inisiatif kreatif dalam kalangan pengusaha batik untuk menggunakan bahan lain seperti kertas kadbod dan aluminium sebagai alternatif kepada bahan tembaga dalam menghasilkan kepelbagaian corak batik di Malaysia (Ghazali, et al., 2024).

Batik blok tradisional Melayu sering dikaitkan dengan penggunaan motif flora, daun, serta unsur geometri dan abstrak yang mencerminkan kehalusan seni serta nilai budaya masyarakat tempatan. Unsur alam semula jadi seperti motif Awan Larat dan sulur kacang sering diterjemahkan ke dalam reka bentuk fabrik sebagai simbolik kepercayaan, fungsi perubatan, perhiasan, serta pemberian adat. Namun begitu, arus pemodenan telah menyebabkan masyarakat kini lebih mengutamakan nilai estetika moden berbanding penghayatan terhadap makna tersirat di sebalik motif tradisional. Pengadaptasian rekaan abstrak luar secara meluas turut memberi cabaran besar dalam mengekalkan kelestarian seni warisan ini kepada generasi akan datang. Oleh itu, pengintegrasian elemen reka bentuk

tradisional ke dalam penghasilan batik kontemporari dilihat sebagai pendekatan utama bagi memastikan kelangsungan nilai estetika, budaya, dan identiti visual tekstil negara terus terpelihara (Kari et al., 2018).

Blok batik juga menjadi bahan inovasi apabila dijadikan sebagai bahan untuk hiasan kraf dinding, sesuatu yang diluar kebiasaan fungsi dan penggunaannya sebagai acuan corak pada fabrik dan tekstil batik. Bahan yang digunakan dalam pembuatan blok batik yang dijadikan blok hiasan adalah daripada bahan yang tahan karat, dan mudah dibentuk mengikut corak dan rekaan yang diinginkan. Rekaan yang digunakan adalah rekaan yang melambangkan flora dan fauna yang merangkumi tumbuh-tumbuhan dan hidupan. Rekaan-rekaan ini lebih mesra pengguna kerana penggunaannya yang meluas dalam rekaan-rekaan batik sedia ada. Rekaan dan corak terkini bagi hiasan kraf termasuklah corak bangunan yang melambangkan identiti negara Malaysia serta corak tulisan khat melambangkan kalimah suci dalam Islam. (Mohd Yusop, 2014).

Salah seorang Adiguru Batik Blok di Malaysia ialah Encik Md. Ghani bin Mat atau lebih dikenali sebagai Pak Ghani. Beliau telah dilahirkan pada 23hb. Disember 1956 di Pasir Mas, Kelantan dan merupakan seorang pengusaha blok batik di Wakaf Bharu, Kelantan yang bergiat secara aktif sejak tahun 1979. Beliau merupakan salah seorang pengusaha blok batik yang amat disegani dan sering menjadi rujukan di kalangan pengusaha blok batik tempatan. Ini kerana beliau mempunyai kemahiran yang tinggi untuk menghasilkan reka corak bermotifkan flora yang kemas dan berkualiti mengikut kehendak pelanggan dan trend semasa (Muzium Kraf Kuala Lumpur, 2022).

Pak Ghani yang kini berusia 70 tahun mula membuat blok ditempah pengusaha batik cetak sejak berusia 15 tahun. Bapa kepada lima cahaya mata ini dianggarkan telah menghasilkan lebih kurang 6,000 blok batik dalam tempoh lima dekad, dengan memperoleh pen¬dapatan kira-kira RM3,000 sebulan yang dimanfaatkan untuk menyara keluarga. Blok dihasilkan Pak Ghani dijual mengikut saiz iaitu antara RM350 hingga RM500 setiap satu dengan pelbagai corak dan setiap satu kerja seni beliau itu mampu disiapkan dalam tempoh tiga hingga tujuh hari (Mohamed, 2022).

Pelanggannya kini tidak terhad dalam kalangan pembuat batik cetak dari Kelantan sahaja, bahkan dari seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak. Selain terus aktif memenuhi tempahan pelanggan, Md. Ghani juga tidak lokek berkongsi ilmu kepada generasi muda setiap kali dijemput melakukan demonstrasi atau mengajar membuat blok batik oleh Kraftangan Malaysia. Kini legasi pembuatan blok batik beliau diwarisi oleh dua anak lelaki iaitu Mohd. Adi Adli, dan Mohd. Eri Azri, yang kini menjadi tulang belakang kepada perusahaan keluarga mereka (Mohamed, 2022).

Beliau juga telah meneroka penggunaan peralatan moden dalam seni pembuatan blok batik antaranya adalah dengan penggunaan mesin penggelek (rolling machine) bagi tujuan menipiskan rod timah supaya menjadi kepingan timah. Beliau juga pernah menjadi pakar rujuk bagi Yayasan Budi Penyayang dalam menjayakan program, antaranya Pertandingan Piala Seri Endon dan Kuala Lumpur International Batik (KLIB). Beliau turut menjadi pakar rujuk dan panel jemputan bagi aktiviti pengembangan ilmu dan kemahiran, pameran, demostrasi, bengkel serta latihan yang berkaitan pembuatan blok batik (Muzium Kraf Kuala Lumpur, 2022).

Kraftangan Malaysia telah menghargai kepakaran dan kemahiran beliau dan seterusnya melantik beliau sebagai Adiguru Kraf Blok Batik pada tahun 2011. Latar belakang peribadi beliau telah dipaparkan dalam laman web rasmi bagi Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan beliau juga dikatakan sering menggubah dan menggunakan reka corak yang berunsurkan motif flora dalam hasil seni beliau (Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2024).

7. METODOLOGI

7.1 Pendekatan kajian

Dalam menghasilkan kajian ini, kaedah sejarah lisan digunakan bagi mendapatkan maklumat. Sejarah lisan merupakan satu kaedah dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan serta mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperoleh. Kaedah sejarah lisan yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui wawancara bersama dengan individu atau tokoh yang dipilih. Kaedah wawancara merupakan salah satu elemen penting dalam sejarah lisan kerana ia merupakan tradisi lisan secara turun temurun.

7.2 Peserta Kajian

Tokoh untuk diwawancara dipilih oleh pengkaji setelah membuat beberapa pencarian di Internet. Tokoh yang dipilih untuk kajian ini ialah Encik Mad Ghani bin Mat yang merupakan pembuat blok batik di Kelantan. Pemilihan tokoh yang dikenali dan mempunyai pengkhususan maklumat untuk diceritakan merupakan penentu kepada kejayaan maklumat yang diperoleh dalam sesebuah wawancara. Oleh itu, Encik Md Ghani bin Mat dipilih untuk kajian ini kerana hanya beliau merupakan pembuat blok batik terkenal di Kelantan. Memandangkan beliau mempunyai pengalaman yang luas dalam membuat blok batik, pengkaji tertarik untuk mewawancara beliau supaya dapat mengekalkan pengetahuan mengenai warisan blok batik bagi generasi muda seandainya tiada lagi pembuat blok batik pada masa akan datang. Selain itu, walaupun beliau merupakan Adiguru Kraftangan Blok Batik, tidak banyak maklumat mengenai beliau di laman sosial dan internet. Hal ini membuatkan pengkaji ingin mengetahui dengan lebih mendalam mengenai beliau dan blok batik.

7.3 Prosedur Pengumpulan Data

Bahagian ini menerangkan prosedur dan langkah-langkah pengumpulan data yang dijalankan dalam kajian ini. Ia melibatkan proses di mana dan bagaimana data dikumpulkan, menjalankan pemerhatian ke atas sesuatu yang sedang berlangsung, merekod, mengumpul, memilih, mengasingkan data dan memahami bila ia akan digunakan. Data yang dikumpul adalah bertujuan bagi mendapatkan bukti-bukti terhadap kajian yang dilakukan.

Langkah pertama adalah pengkaji mendapatkan kelulusan tokoh yang dipilih daripada pensyarah. Tindakan seterusnya apabila telah mendapatkan kelulusan daripada pensyarah ialah pengkaji mula menghubungi tokoh bagi mendapatkan persetujuan dan juga masa yang sesuai untuk sesi temubual dilakukan. Kemudian, pengkaji terlebih dahulu mencari maklumat mengenai tokoh melalui Internet untuk memperoleh maklumat dan pengetahuan bagi merangka soalan yang akan ditanya kepada tokoh pada sesi wawancara.

Sesi temubual dijalankan bersama tokoh adalah secara bersemuka di tempat yang telah dipersetujui iaitu di bengkel. Semasa temubual dijalankan, perbualan antara pengkaji bersama tokoh direkod menggunakan telefon pintar.

7.4 Carta GanttProjek

	October			November			Disember				Januari			
Aktiviti	M1	M2	M3	M4	M5	M6	M7	M8	M9	M10	M11	M12	M13	M14
1) Pemilihan Tokoh														
2) Abstrak														
3) Proposal														
4) Persediaan awal														
5) Soal Selidik														
6) Wawancara														
7) Penulis Artikel														
8) Penyediaan Transkrip														
9) Medium dan Rakaman Lengkap														
10) Transkrip Lengkap														

8. HASIL KAJIAN

Masyarakat di negara ini merupakan sebuah komuniti yang kaya dengan pelbagai seni ukir dan kraftangan yang dapat dilihat dari perkembangan sosio budaya sesebuah kaum sama ada Melayu, Cina, India mahupun bumiputera di Sabah dan Sarawak. Batik merupakan salah satu kraftangan yang tidak asing lagi dan popular pada masa dulu sehingga sekarang dan kini seni kraftangan ini masih dipelopori oleh masyarakat di luar bandar.

8.1 Pemilihan Tembaga dalam Pembuatan Blok Batik

Menurut Encik Mohd Ghani, pembuat batik lebih suka blok yang diperbuat daripada kepingan tembaga berbanding besi kerana ia lebih tahan lama dan tidak terhakis. Beliau juga lebih suka menggunakan kepingan tembaga kerana ia fleksibel, menjadikannya lebih mudah dibentuk untuk menghasilkan corak yang halus. Tembaga adalah konduktor haba yang sangat baik. Ia menyerap haba dengan cepat dan mengekalkannya untuk jangka masa lama. Menggunakan acuan tembaga juga lebih berkesan dalam pengecapan batik kerana haba tersebar secara merata ke atas blok selepas ia dicelup ke dalam lilin panas, yang digunakan untuk mengecap reka bentuk pada kain. Tambahan pula, tembaga tahan lasak, dan lebih mudah dibaiki sekiranya acuan rosak.


8.2 Teknik Pembuatan Blok Batik

Teknik pembuatan blok batik pada dasarnya melibatkan proses lakaran, lenturan, pateri dan pemasangan. Proses ini memerlukan kemahiran teknikal dan kesenian yang tinggi pada pembuatnya kerana nilai sesebuah seni kraftangan ini bergantung kepada keistimewaan kemahiran ini. Proses pertama yang perlu dilakukan adalah membuat lakaran motif pada kertas supaya penggiat mempunyai gambaran yang jelas akan corak yang ingin dihasilkan. Malah proses ini juga bertujuan untuk memastikan lakaran yang dihasilkan seimbang dengan corak atau motif yang ingin diadaptasikan.

Setelah lakaran yang dihasikan dan dipersetujui atau muktamad, proses seterusnya bermula dengan melentur kepingan tembaga mengikut corak yang telah dilakukan. Kepingan tembaga yang dilenturkan dipakukan supaya ia tidak bergerak dan kekal pada corak lakaran. Proses ketiga akan dilakukan apabila proses membentuk dan melentur tembaga tadi selesai.

Penggiat seterusnya akan menyediakan asid untuk disapu pada corak tembaga yang dilenturkan agar ianya bercantum diantara satu sama lain. Asid hanya disapu pada bahagian yang ingin dipateri sahaja. Setelah kepingan tembaga disapu asid pada setiap sambungan, proses keempat ialah mematerі kepingan tembaga tadi dengan menggunakan timah. Timah akan dibakar dengan api semawar supaya ianya cair dan memudahkan lagi proses kerja pembuatannya. Selain daripada itu, untuk mengukuhkan lagi cantuman tembaga dan timah, besi juga digunakan sebagai ejen pelekat kepada kedua-dua bahan ini.

Proses terakhir adalah memasang bingkai pada motif yang dibuat agar ianya melekat dengan baik. Pemasangan bingkai pada tepi corak blok batik perlu dipateri supaya mengikut corak blok batik yang dilakarkan. Selain daripada ingin memastikan lakaran blok batik dapat melekat dengan baik, proses pemasangan bingkai ini juga berfungsi untuk memudahkan kerja-kerja mengecop blok batik ini agar mudah dipegang oleh pengusahanya.



Gambar 1: Replika reka bentuk blok batik dibuat di atas sehelai kertas.



Gambar 2: Encik Mohd Ghani menggunakan playar muncung untuk membengkok dan membentuk jalur tembaga kepada pelbagai motif seperti bunga, daun dan corak geometri.

8.2 Corak bagi Acuan Blok Batik

Pelbagai corak bagi acuan blok batik boleh dibuat seperti geometrik, flora dan fauna yang merangkumi tumbuh-tumbuhan dan hidupan. Corak flora dipilih daripada bahagian-bahagian tumbuhan yang ditiru berasaskan bentuk bunga. Gubahan motif dan corak direka secara realistik, abstrak dan stilisasi dalam bentuk geometrik atau organik. Rekaan-rekaan ini lebih mesra pengguna kerana penggunaannya yang meluas dalam rekaan-rekaan batik sedia ada. Selain corak tradisional, Encik Mohd Ghani juga telah mula membuat blok tembaga dengan reka bentuk yang lebih moden, seperti yang mempunyai tulisan khat dan pelbagai logo. Ini digunakan terutamanya sebagai barang hiasan. Rekaan dan corak terkini yang digunakan seperti simbolik kepada bangunan Kuala Lumpur City Center (KLCC), bangunan-bangunan yang melambangkan identiti negara Malaysia. Paling mendapat sambutan kini adalah rekaan yang melambangkan tulisan khat seperti kalimah Allah dan Muhammad, "Bismillahirahmanirohim" dan lain-lain ayat ringkas.



Gambar 3: Sebahagian motif dan reka bentuk pada blok batik



Gambar 4: Blok batik sebagai kraf hiasan motif kalimah Allah dan Muhammad



Gambar 5: Blok batik sebagai kraf hiasan motif warang kulit

9. KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini berjaya mendokumentasikan kehalusan seni pertukangan, proses pembuatan tembaga yang teliti, serta evolusi motif kraf blok batik melalui pengalaman dan kepakaran Adiguru Kraf Blok Batik, Encik Md Ghani bin Mat. Dapatan kajian membuktikan bahawa penghasilan blok batik bukan sahaja menuntut kemahiran teknikal dan kesabaran yang tinggi, malah mampu berinovasi mengikut peredaran zaman daripada acuan fabrik tradisional kepada produk kraf hiasan dinding seperti tulisan khat dan mercu tanda negara. Walau bagaimanapun, cabaran kekurangan penggiat pelapis dalam kalangan generasi muda serta kekangan kos operasi memerlukan perhatian dan sokongan berterusan daripada pihak berkepentingan seperti Kraftangan Malaysia agar perusahaan ini terus berdaya saing. Diharapkan pendokumentasian sejarah lisan ini dapat menjadi rujukan akademik yang bermakna serta menyuntik kesedaran masyarakat untuk bersama-sama memelihara dan menghargai khazanah seni warisan Melayu ini agar tidak lapuk dek hujan, tak lekang dek panas.

RUJUKAN

Ghazali, N. H., Ibrahim, M., Abdullah, Z., Zain, W. S. W. M., & Omar, M. (2024). Batik blocks: Alternative use of recycled mechanical fastener nut materials: Reka bentuk blok batik daripada bahan kitar semula pengikat mekanikal nat. International Journal of Art and Design, 8(2), 95-105.

Haron, N., Shuhaimi, N. H., Ramli, Z., Hassan, H., Zaak, R. A., & Rohaizat, M. (2014). Kajian terhadap penggunaan bahan, teknik pembuatan dan motif pada blok batik. Arkeologi, Sejarah Dan Budaya. Prosiding Seminar Antarabangsa Ke-3 Arkeologi, Sejarah & Budaya di Alam Melayu .Universiti Kebangsaan Malaysia

Institut Kraf Negara (2026). Seni kraf batik: Motif dan teknik. Pautan pada https://ikn.edu.my/pengajian/penyelidikan/e-book/seni-kraf-batik-motif-teknik-2

https://ikn.edu.my/images/ebook/Seni_Kraf_Batik_Motif_Teknik.pdf

Kari, R., Samin, M.A. & Legino, R. (2018). The sustainability's motif and design of fauna in Malay block batik. International Journal of INTI, 22, 76-83.

Mohamed, R. (2022, Januari 5). 51 tahun Md. Ghani hasilkan blok batik cetak. Utusan Malaysia di pautan https://www.utusan.com.my/terkini/2022/01/51-tahun-md-ghani-hasilkan-blok-batik/

Mohd Yusop, M. S. (2015). Inovasi blok batik tembaga sebagai kraf hiasan. Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni, 3, 151–157.

Muzium Kraf Kuala Lumpur (2022, Oktober 19). Adiguru kraf blok batik: Md Ghani bin Mat. Info kraf. Muzium Kraf Kuala Lumpur. https://www.facebook.com/profile/100057397271740/search/?q=Md%20Ghani%20bin%20Mat

Naser, F. L., Khairi, H. ., Legino, R. ., & Rosman, R. . (2021). Cultural consciousness: A case study of dying art on batik block in Malaysia. Environment-Behaviour Proceedings Journal, 6(SI5), 111–117. https://doi.org/10.21834/ebpj.v6iSI5.2935

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia (2024). Md Ghani bin Mat. https://kraftangan.gov.my/info/adiguru-kraf/md-ghani-bin-mat

Ramli, H., & Mohd Yusop, M. S. (2024). Blok batik: Identiti dan kreativiti Adiguru Ghani. Jurnal Peradaban Melayu, 19(1), 49–61. https://doi.org/10.37134/peradaban.vol19.1.5.2024